

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 SEPTEMBER 2016

# Pertemuan Tun M, Anwar sandiwara politik terdesak

➔ Tindakan bekas PM dilihat semata-mata mahu raih sokongan pembangkang

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

**D**atuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan pertemuan Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin, sebagai pertemuan politik yang tiada keikhlasan lagi terdesak.

Timbalan Perdana Menteri berkata tindakan bekas Perdana Menteri itu dilihat semata-mata untuk meraih sokongan pembangkang.

"Walaupun Dr Mahathir tampak berjiwa besar kerana sanggup bertemu Anwar yang juga seteru politiknya, ia ada tujuan tersirat.

"Tindakannya bukan bersetuju dengan Anwar (berhubung Akta Majlis Keselamatan Negara 2016) atau bersetuju untuk berkawan dengan Anwar.

"Tetapi atas keadaan terdesak dan masyarakat umum juga menganggap ia sebagai pertemuan politik yang tiada keikhlasan," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyempurnakan Majlis Perjumpaan bersama Ahli Lembaga Pengarah, Pengurus Syarikat dan Pelanggan Industri Kawalan Keselamatan Negara di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas pertemuan Dr Mahathir dan Anwar di Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini, kelmarin.

Dalam pertemuan 20 minit itu, Dr Mahathir yang tiba di mahkamah pada jam 2.50 petang, dilihat bersalaman sebaik Anwar tiba diiringi pegawai penjara untuk kes samannya mencabar pelaksa-

naan Akta MKN 2016.

**Sandiwara dua seteru politik**  
Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim pula menyifatkan pertemuan mereka sebagai sandiwara dua seteru politik.

"Kehadiran Dr Mahathir di mahkamah sambil bersalaman dengan Anwar bagaikan filem di pawagam yang realitinya adalah tidak mungkin terjadi.

"Hakikatnya, Anwar bagai orang yang hilang ingatan terhadap apa yang seterusnya pernah lakukan. Selama 18 tahun mereka tidak bertentang mata dan kini boleh berjabat tangan sambil tersenyum.

"Sokongan Dr Mahathir terhadap Anwar menentang Akta MKN adalah tindakan terdesak dan sanggup memilih seterusnya yang pernah disabitkan tuduhan sek-

sual dan seks di luar tabii," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

**Rakyat perlu nilai sendiri**

Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata pertemuan mereka menimbulkan persoalan baharu yang perlu dinilai rakyat.

"Adakah permusuhan mereka sudah berakhir. Dahulu bukan main lagi marah dan memaki hamun Dr Mahathir tetapi sekarang bersalaman.

"Rakyat perlu menilai sendiri kerana ia menyentuh prinsip perjuangan parti pembangkang. Apa pendirian pembangkang sebenarnya sekarang," katanya.

Ketua Pemuda MIC, C Sivaraajh pula berkata, Dr Mahathir hanya menggunakan Anwar untuk me-

raih sokongan politik bagi mencapai cita-cita dan agenda politiknya.

"Apa yang dilakukan Dr Mahathir ini menunjukkan beliau tidak akan berhenti sehingga beliau boleh menjatuhkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Apakah Dr Mahathir tidak mempunyai maruah, prinsip dan ideologi? Mengapa merendahkan dirinya, tunduk kepada Anwar demi cita-cita politik? Ini petanda Dr Mahathir tidak mendapat sokongan untuk agenda politiknya," katanya.

BH-7/9/2016



Keratan akhbar BH semalam.